

Headline	400 penduduk Kg Balat nikmati bekalan elektrik 24 jam		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	09 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	25,055	Readership	75,165
Section	Tempatan	Page No	3
ArticleSize	265 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 1,689		



## 400 penduduk Kg Balat nikmati bekalan elektrik 24 jam

KINABATANGAN: Penantian 400 penduduk Kampung Balat untuk menikmati kemudahan bekalan elektrik 24 jam kini direalisasikan.

Timbalan Ketua Menteri I merangkap Menteri Kerja Raya Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin berkata, operasi Stesen Janakuasa Balat yang mulatugas pada 1 Ogos lalu telah memberikan kegembiraan kepada lebih 400 orang penduduk kampung itu apabila menerima kemudahan tersebut, 24 jam sehari.

"Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) kerajaan Barisan Nasional (BN) itu sekaligus menamatkan penantian penduduk kampung berkenaan yang sebelum ini terpaksa bergantung kepada penggunaan penjana kuasa elektrik atau pelita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyerahan Sumbangan Ceria Ke Sekolah TNB/SESB Peringkat Kinabatangan Parlimen Kinabatangan, Sumbangan Program Sekolah Angkat SESB Dan Perasmian Stesen Janakuasa Balat, di Pejabat Pendidikan Daerah Kinabatangan pada Jumaat. Bung menegaskan usaha Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) untuk sama-sama membantu dan memberikan bekalan elektrik ke kampung ini menunjukkan keprihatinan mereka terhadap masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan



BUNG menunjukkan isyarat bagus semasa Perasmian Stesen Janakuasa Balat itu.

Negeri (Adun) Lamag berharap lebih banyak perkampungan di luar bandar yang masih belum menikmati bekalan elektrik agar dapat diberikan bekalan mengikut peraturan-peraturan sedia ada.

"Sementara itu, saya juga berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat melaksanakan projek-projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang telah dirancang. Difahamkan peruntukan sebanyak RM120.5 juta telah diberikan untuk melaksanakan projek BELB sambungan talian grid bagi tiga zon di Sabah."

Bung percaya inisiatif ini akan membantu meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar, di mana kawasan kampung yang dahulunya gelap akan berbahaya dan

penduduk kampung dapat menjalankan aktiviti sehari-hari tanpa perlu menggunakan penjana kuasa.

"Usaha ini juga akan menyaksikan pembangunan sosio-ekonomi di kampung-kampung terlibat terus berkembang," katanya. Sementara itu, Ahli Parlimen Kinabatangan itu juga memberitahu bekalan elektrik ini akan disalurkan ke beberapa kampung lain dengan kapasiti yang tinggi iaitu 700 megawatt.

Beliau berkata penduduk di Kampung Pinangah juga mula menikmati bekalan elektrik 24 jam bulan lepas dan beberapa buah kampung berhampiran akan dipastikan menikmati kemudahan sama dalam masa terdekat.